ASIA VIDEO ENTERPRISE

lwn.

LIEW & CO.

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL MALEK AHMAD H
[GUAMAN SIVIL NO. D5-22-1780-90]
16 JULAI 1992

PROSEDUR SIVIL: *Rayuan terhadap keputusan Penolong Pendaftar Kanan membatalkan tuntutan plaintif - Aturan 18 k. 19, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 - Samada keengganan Penolong Pendaftar Kanan mendengar permohonan plaintif wajar - Alasan dihalang had masa statutori - Fakta bahawa sesuatu tindakan itu adalah lemah bukanlah alasan yang cukup untuk membatalkan penyata tuntutan - Samada plaintif harus memohon membatalkan penyata pembelaan sebelum defendan memfailkan permohonan membatalkan penyata tuntutan - Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980, A. 2 k. 2, A. 18 k. 19(1)(a), (2).*

Pihak defendan telah membuat permohonan di bawah A. 18 k. 19(1)(a) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (KMT) bagi membatalkan tindakan plaintif di atas alasan ia tidak mendedahkan sebarang kausa tindakan terhadap defendan. Permohonan tersebut telah dibenarkan oleh Penolong Pendaftar Kanan pada 27 Januari 1992. Di antara alasan ditimbulkan ialah tuntutan plaintif dihalang oleh had masa statutori. Plaintif melalui saman dalam kamar juga membuat permohonan bagi membatalkan pembelaan defendan menurut A. 18 k. 19(1) di atas alasan pembelaan tersebut tidak mendedahkan apa-apa pembelaan yang munasabah dan ia adalah satu penyalahan proses Mahkamah, bahawa pembelaan tersebut adalah diluar aturan dan defendan telah gagal menyampaikan pembelaan menurut KMT.

Permohonan plaintif telah ditetapkan untuk pendengaran pada tarikh yang sama dengan permohonan defendan di atas tetapi Penolong Kanan Pendaftar telah enggan mendengar permohonan plaintif dan mendengar permohonan defendan sahaja dan telah membenarkan permohonan defendan.

Plaintif merayu terhadap keputusan Penolong Pendaftar Kanan.

Diputuskan:

[1] Bagi permohonan di bawah A. 18 k. 19(1)(a) KMT tiada keterangan boleh diterima melalui afidavit bagi menyokong permohonan ini.

[2] Fakta bahawa sesuatu tindakan itu lemah dan tidak mungkin berjaya bukanlah alasan untuk membatalkan pernyataan tuntutan.

[3] Pembelaan had masa hanyalah untuk maksud menghalang remedi dan bukan untuk menghalang tuntutan. Oleh itu defendan tidak boleh memohon bagi membatalkan tindakan plaintif di atas alasan ia tidak mendedahkan apa-apa kausa-kausa tindakan hanya kerana defendan mempunyai satu pembelaan had masa yang kukuh.

[4] Oleh kerana kedua-dua pihak telah memfailkan saman dalam kamar dalam tempoh 3 minggu antara satu sama lain untuk mengenepikan pliding pihak yang lagi satu, tambahan setelah ditetap untuk didengar sekali dan mempunyai isu-isu berkaitan adalah wajar permohonan-permohonan tersebut didengar sekali.

[Rayuan plaintif dibenarkan dengan kos.]

Kes-kes yang dirujuk:
Murray v. Secretary for India [1931] WN 91 ***(diikuti)***
Ronex Properties Ltd. v. John Laing Construction Ltd. & 3 Ors. [1982] 3 All ER 961. ***(dirujuk)***
Jok Jau Evong & Ors. v. Marabong Lumber Sdn. Bhd. & Ors. [1990] 2 CLJ (Rep) 169. ***(tidak diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:
Rules of the High Court 1980, O. 2 r. 2, O. 18 rr. 19, (1), (a), (b), (2), O. 20 r. 5

Bagi pihak plaintif/perayu - S.K. Yap; T/n. Yusuf Lee Pathma & Marbeck
Bagi pihak defendan/responden - V. De Cruz; T/n. Chong & Leonard

PENGHAKIMAN

Abdul Malek Ahmad H:

Plaintif telah memfailkan notis rayuan pada 30 Januari 1992 untuk merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang diberikan pada 27 Januari 1992 yang telah memerintahkan bahawa permohonan defendan yang dibuat melalui saman dalam kamar pada 19 November 1991, bukan 19 Januari 1991 seperti dinyatakan dalam notis rayuan, dibenarkan. Permohonan tersebut ialah di bawah A. 18 k. 19(1)(a) Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (kemudian disebut "KMT") atas alasan bahawa tuntutan plaintif tidak mendedahkan apa-apa kausa tindakan terhadap defendan.

Dalam pada itu, plaintif pula melalui saman dalam kamar yang difailkan pada 9 Disember 1991 telah memohon untuk perintah bahawa kedua-dua penyata pembelaan yang difailkan oleh defendan masing-masing pada 21 Disember 1990 dan 21 Mei 1991 dihapuskan daripada rekod Mahkamah atau dibatalkan mengikut A. 18 k. 19(1) KMT atas alasan bahawa kedua-dua pembelaan tersebut tidak mendedahkan apa-apa pembelaan yang munasabah, atau ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan, atau ia boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan ini dengan adil, atau ia selanjutnya adalah suatu penyalahan proses Mahkamah, bahawa kedua-dua pembelaan tersebut adalah luar aturan dan bahawa penghakiman dimasukkan untuk plaintif dengan kos bagi tindakan ini dan kos bagi dan yang diakibatkan oleh permohonan ini atas alasan bahawa defendan telah gagal menyampaikan kedua-dua pembelaan tersebut mengikut KMT.

Adalah perlu dan penting bagi menyemak susunan peristiwa dalam perkara ini. Penyata tuntutan bertarikh 7 November 1990 dan penghakiman ingkar diperolehi pada 20 Disember 1990. Penyata pembelaan pula difailkan pada 21 Disember 1990 dan kononnya disampaikan kepada plaintif pada 24 Disember 1990. Pada 20 Mei 1991, defendan telah mendapat perintah Mahkamah untuk mengenepikan penghakiman ingkar yang bertarikh 20 Disember 1990.

Pendapat peguam plaintif yang bijaksana ialah defendan tiada kebenaran Mahkamah untuk memfailkan dan menyampaikan penyata pembelaan diluar masa iaitu pemfailan pada 21 Mei 1991 dan penyampaian pada 7 Jun 1991. Beliau telah berhujah bahawa permohonan defendan untuk mengenepikan tuntutan plaintif yang failkan pada l9hb November 1991 dan permohonan plaintif yang difailkan pada 9hb Disember 1991 telah ditetapkan untuk pendengaran pada tarikh yang sama tetapi Penolong Kanan Pendaftar telah enggan mendengar permohonan plaintif dan telah mendengar permohonan defendan sahaja dan telah membenarkannya seperti diketahui sekarang. Menurut beliau, perkara ini tidak sepatutnya berlaku.

Setelah meneliti perkara ini dan berdasarkan hujah-hujah kedua-dua pihak, Mahkamah berpendapat, oleh kerana kedua-dua pihak telah memfailkan saman dalam kamar dalam tempoh tiga minggu antara satu sama lain untuk mengenepikan pliding pihak yang lagi satu, adalah

lebih wajar untuk Penolong Kanan Pendaftar yang arif mendengar kedua-dua permohonan tersebut itu sekali tambah-tambah lagi apabila sememangnya kedua-duanya telahpun ditetapkan untuk pendengaran pada tarikh yang sama dan adalah lebih sesuai didengar serentak kerana isu-isunya berkaitan. Lagi pun, permohonan plaintif adalah mengikut apa yang dinyatakan dalam A. 2 k. 2 KMT.

Mengenai permohonan defendan di bawah A. 18 k. l9(1)(a) KMT pula, adalah jelas dan nyata di bawah A. 18 k. 19(2) KMT dan mengikut beberapa otoriti-otoriti yang tidak perlu dibuat rujukan bahawa tiada keterangan boleh diterima untuk permohonan sedemikian. Lagi pun, fakta bahawa sesuatu tindakan itu adalah lemah dan tidak mungkin berjaya bukanlah alasan untuk membatalkan sesuatu penyata tuntutan. Juga, fakta bahawa tuntutan pada zahirnya dihalang oleh sesuatu pembelaan statutori misalnya had masa tidaklah boleh dijadikan alasan seperti diputuskan dalam *Murray v. Secretary for India* [1931] WN 91.

Perkara had masa pula telah ditimbulkan oleh defendan hanya dalam afidavit yang menyokong permohonan mereka, dalam afidavit menyokong permohonan mengenepikan permohonan ingkar dan dalam penyata pembelaan yang kedua tetapi tidak dibangkitkan langsung dalam penyata pembelaan yang pertama. Lagi pun, sungguhpun telah dinyatakan dalam penyata pembelaan yang kedua, pembelaan had masa hanyalah untuk maksud menghalang remedi dan bukan untuk menghalang tuntutan dan tidaklah semestinya penyata tuntutan dibatalkan atas alasan ini.

Masalah ini telah timbul dalam *Ronex Properties Ltd. v. John Laing Construction Ltd. & Ors.* (*Clarke, Nicholls & Marcel (a firm), third parties*) [1982] 3 All ER 961 dan antara pendapat Mahkamah Rayuan ialah "since statutes of limitations merely barred a plaintiff's remedy and not his cause of action, and since a limitation defence when pleaded might be subject to exceptions, a defendant could never apply under RSC O. 18, r. l9c to strike out a claim against him as disclosing no reasonable cause of action merely because he might have a good limitation defence". Oleh itu, saya tidak dapat setuju dengan keputusan yang dibuat dalam *Jok Jau Evong & Ors. v. Marabong Lumber Sdn. Bhd. & Yg. Ln.* [1990] 2 CLJ (Rep) 169 bahawa jika defendan bergantung kepada pembelaan had masa dan tiada terdapat kemungkinan plaintif dapat lari dari perkara ini, tuntutan akan dibatalkan. Kes itu perlu dibezakan kerana permohonan pembatalan oleh defendan di sana berasaskan bukan sahaja A. 18 k. 19 l(a) KMT tetapi A. 18 k. l9(1)(b) dan (d) KMT juga. Semasa hujah-hujah, peguam defendan yang bijaksana dalam kes ini telah memohon meminda permohonan defendan dengan menambahkan perenggan (b) dibawah A. 18 k. 19 KMT tetapi Mahkamah telah tidak membenarkannya dalam keadaan demikian kerana berpendapat bahawa ianya sudah terlalu lewat dan kerana ianya adalah satu kesilapan yang terkait dengan punca permohonan yang tidak boleh diperbetulkan dengan cara ini kerana tidak jatuh di bawah A. 20 k. 5 dan k. 8 KMT.

Mengenai hujah peguam defendan bahawa plaintif sepatutnya memohon membatalkan penyata pembelaan sebelum dan bukan selepas defendan memfailkan permohonan membatalkan penyata tuntutan, adalah menjadi pendapat saya bahawa ini adalah isu untuk dibicarakan sama ada penyata pembelaan yang kedua telah disampaikan dalam had tempoh yang ditetapkan dan oleh kerana itu tiada sebab untuk plaintif perlu berbuat demikian. Plaintif telah walau bagaimanapun membuatnya tiga minggu selepas defendan memohon untuk membatalkan tuntutan plaintif.

Atas sebab-sebab ini, khususnya kerana keterangan afidavit tidak boleh diterima untuk permohonan dibawah A. 18 k. l9(1)(a) KMT, kerana tempoh had masa tidak boleh menjadi alasan permohonan sedemikian dan kerana pliding yang dikemukakan menimbulkan beberapa isu untuk dibicarakan, saya telah membenarkan rayuan plaintif dengan kos.

Also found at [1992] 4 CLJ 2101